

## ANALISIS KONSEP KEPATUHAN BERAGAMA DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM AN ANALYSIS OF THE CONCEPT OF RELIGIOSITY FROM ISLAMIC PERSPECTIVE

**Azra Qistina Abdul Azis**

Calon Pascasiswazah, Jabatan Syariah dan Pengurusan,  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
azraqistinaa@yahoo.com

dan

**Mohd Rizal Muwazir (PhD)\***

\*Corresponding Author, Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Pengurusan,  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
mrmkl@um.edu.my

### ABSTRAK

Kepatuhan beragama merupakan salah satu pembolehubah yang boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang dalam membuat keputusan pengurusan. Kepentingan tersebut menyebabkan terdapat pelbagai instrumen dibangunkan di serata dunia bagi mengukurnya. Namun, ia ternyata belum cukup memandangkan sehingga kini hanya terdapat beberapa instrument yang benar-benar relevan untuk mengukur kepatuhan beragama daripada perspektif Islam. Perbezaan fahaman agama dan kebudayaan antara punca utama sebahagian skala tersebut ditolak terutamanya jika ia berfokuskan agama Kristian. Adapun, ada yang beranggapan pemansuhan item bersifat “*gender-specific*” (seperti model El-Menouar, 2014) dianggap sesuai dijadikan pengukur kepatuhan beragama Islam. Namun ia dilihat kurang mengambil kira aspek amalan sunah dalam Islam. Berbeza dengan model El-Menouar yang terdiri daripada: “*basic religiosity*”, “*central duties*”, “*religious experience*”, “*religious knowledge*” dan “*orthopraxy*”, kajian ini menggunakan istilah yang lebih menyeluruh berdasarkan Syariah Islam di mana Quran dan Hadis dijadikan sebagai sandaran utama. Demikian, dimensi “*al-taqarrub*”, “*al-ibadah*”, “*al-ma’rifah*”, “*al-muraqabah*” dan “*al-halal*” diperkenalkan sebagai konsep kepatuhan beragama menurut perspektif Islam.

**Kata Kunci:** Kepatuhan Beragama, Religiositi, Spiritualiti, Nilai Islam.

### ABSTRACT

*Religiosity is one of the variables that can influence one’s attitudes and behaviour in management decision making. This importance has led to various instruments being constructed around the world to measure them. However, it turns out that to date, only few instruments has been created for measuring religiosity from Islamic perspective. Religious beliefs and cultures differences is said to be one of the reasons why some of the scales being excluded particularly if they focus on Christianity. Meanwhile, there are few scholars argue that the elimination of “gender-specific” item (for instance, El-Menouar model, 2014) is considered appropriate in measuring religiosity from Islamic perspective. However, the modified instrument is seen does not take into account the practice of sunnah in Islam. In contrast to the El-Menouar model which consist of: “basic religiosity”, “central duties”, “religious experience”, “religious knowledge” dan “orthopraxy”, this study adopts more comprehensive terms based on Shariah Islamiyah where the Quran and Hadith used as the primary foundation. Thus, “al-taqarrub”, “al-ibadah”, “al-ma’rifah”, “al-muraqabah” and “al-halal” dimensions are introduced as the concept of religiosity from Islamic perspective.*

**Keywords:** Religiosity, Spirituality, Islamic values.

## PENGENALAN

Islam merupakan salah satu agama terbesar yang dianuti oleh masyarakat di serata dunia. Islam secara amnya menekankan “*orthopraxis*” berbanding “*orthodoxy*”. Secara mudahnya, *orthodoxy* adalah kepercayaan terhadap agama, manakala *orthopraxy* pula berbentuk praktikal dan amalan yang diajar dalam agama (Laurin & Plaks, 2014). Berlainan dengan agama Kristian yang bersifat ortodoksi, Islam mengajar umatnya untuk membuktikan keimanan mereka melalui pematuhan terhadap ajaran-ajaran Islam dan ibadah yang ditetapkan oleh syariat seperti solat, menunaikan zakat, menggunakan sumber yang halal, berbuat kebajikan, berkelakuan baik dan tidak melakukan penindasan. Tidak cukup sekadar lisan yang menutur, “Aku percaya kepada Allah” tanpa sebarang tindakan dan bukti yang mencerminkan keyakinan tersebut.

Bertitik tolak dari itu, adalah menjadi kemestian bagi sesebuah kajian itu menjauhi unsur-unsur yang cenderung pada agama lain. Namun apa yang berlaku tidak seperti yang diharapkan. Ini disebabkan lambakan kajian termasuklah kajian-kajian yang berbentuk perspektif Islam sering mengguna pakai instrumen yang cenderung ke arah agama lain. Ini merupakan suatu peluang bagi kajian mendatang dalam menyelidik kepatuhan beragama yang diukur berdasarkan skala yang lebih Islamik dan menjurus kepada budaya dan ajaran Islam yang sebenar.

### *Definisi Agama dan Kepatuhan Beragama*

Menurut Durkheim (1954), agama ialah satu institusi sosial berkaitan dengan kepercayaan dan amalan-amalan suci (*sacred*). Dianggap sebagai elemen penting dalam kehidupan disebabkan kekuatan pengaruhnya dalam mengubah bukan semata-mata pemikiran seseorang malahan gaya hidup dan tingkah laku harian mereka (Khraim, 2010; R. Muhamad, 2009). Selain istilah agama atau “*religion*”, “*religiosity*” antara terma yang kerap kali digunapakai terutama dalam kalangan sarjana dan penyelidik. Jika agama ditakrifkan sebagai sebuah kepercayaan dan amalan, *religiosity* pula melangkaui definisi tersebut kepada takat seseorang individu komited terhadap agama dan ajaran yang dianuti yang digambarkan menerusi sikap dan kelakuannya (Johnson, Jang, Larson, & Li, 2001).

Religiositi atau kepatuhan dan kewarakan dalam beragama dilihat sebagai satu nilai yang penting dalam struktur kognitif individu dan boleh mempengaruhi sikap dan tingkah laku seseorang (Weaver & Agle, 2002). Kepatuhan beragama merujuk kepada kematangan kepercayaan seseorang yang diukur melalui tahap komitmen terhadap ajaran agama tertentu (R. Othman & Hariri, 2012) dan bertindak sebagai panduan dalam menjalankan kehidupan yang berkualiti selaras dengan kehendak agama.

Manakala Delener (1994) menyatakan sikap individu pro-agama (atau sangat beragama) berkemungkinan berada pada tahap yang lebih tertutup dan konservatif berbanding individu yang tidak beragama atau kurang beragama. Mengiyakan kenyataan tersebut, Lau menyifatkan seseorang yang lebih beragama sudah tentu lebih cenderung dalam menyelaraskan tingkah laku mereka berdasarkan keyakinan agama mereka (Lau, 2010). Delener juga menambah, seiring dengan komitmen yang tinggi terhadap agama, individu berkenaan seharusnya mampu dalam membuat keputusan yang konsisten dengan hati nurani dan akhlak moral (Delener, 1994).

### *Peranan Kepatuhan Beragama*

Kepatuhan terhadap agama terbukti mempengaruhi perubahan sikap dan tingkah laku seseorang. Peranannya cukup penting lebih-lebih lagi dalam dunia pengurusan perniagaan yang penuh dengan cabaran dan rintangan. Para sarjana berpendapat kepatuhan beragama mampu menjadikan seseorang pengurus dalam sesebuah organisasi itu bertindak dengan lebih baik dalam membuat keputusan pengurusan. Keutuhan agama menjadi benteng utama dalam menangkis segala tekanan, rintangan serta

cabaran dalam kehidupan. Ia dilihat sebagai unsur yang mampu menjadi pemangkin dalam mencapai kesejahteraan hidup (Abdel-Khalek, 2010; Achour, Grine, Nor, & Yusoff, 2015). Barhem (2009) juga membuktikan ianya turut berpotensi dalam mengurangkan tekanan kerja, natijah daripada ikatan yang kuat terhadap ajaran agama (Barhem, Younies, & Muhamad, 2009).

Berhubungan dengan itu, pekerja yang memiliki tahap keagamaan yang lebih tinggi juga disifatkan mempunyai tahap prestasi ekonomi yang jauh ke hadapan. Ini dibuktikan oleh Rulindo dan Mardhatillah (2011) yang menemukan bahawasanya individu yang lebih tinggi keagamaannya terlihat lebih kaya secara umum jika dibandingkan dengan mereka yang memiliki tahap keagamaan yang rendah. Ini bermakna kepatuhan beragama memainkan peranan penting dalam menjana prestasi ekonomi (Durlauf, Kourtellos, & Tan, 2012; Tu, Bulte, & Tan, 2011).

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa agama berperanan dalam memandu manusia ke arah perlakuan yang baik dan beretika (Arlı, 2017; Kashif, Zarkada, & Thurasamy, 2017; Saat, Porter, & Woodbine, 2016). Amaliah, Aspiranti dan Purnamasari (2015) berupaya menunjukkan seandainya seseorang pekerja itu memiliki kewarakan agama, dia berpotensi dalam mencegah diri dari melakukan sebarang penipuan dan penyalahgunaan kuasa di tempat kerja. Arlı (2017) pula mengumpamakan kepercayaan agama seperti penapis yang menghalang niat pengguna daripada tindakan yang tidak atau kurang beretika (Amaliah *et al.*, 2015; Arlı, 2017).

Pekerjaan yang didasarkan kepada agama dilihat mampu melahirkan pekerja yang mantap dari segi prestasi, komitmen dan kepuasan kerja (Amaliah *et al.*, 2015; Osman-Gani, Hashim, & Ismail, 2013; Wening & Choerudin, 2015). Dari sudut Islam, boleh ditegaskan bahawa nilai-nilai yang diajar dalam Islam seperti disiplin, kejujuran, keikhlasan, dan kerja keras adalah hasil melakukan ibadah seperti solat, membayar zakat dan berpuasa yang menjadi sebab mengapa mereka yang memiliki tahap kepatuhan beragama yang lebih tinggi dilihat mempunyai pendapatan yang lebih baik dan mampu keluar daripada kemiskinan (Rulindo & Mardhatillah, 2011).

### ***Kepatuhan Beragama daripada Perspektif Konvensional***

Multidimensi. Itulah yang sering digambarkan terhadap kepatuhan beragama. Ia menjadi satu perdebatan hangat dalam kalangan pengkaji dan penyelidik yang berusaha mentafsirkan dimensi tersebut berdasarkan pemahaman tersendiri. Konsep keagamaan intrinsik dan ekstrinsik acapkali digunapakai dalam mencapai objektif dan matlamat pengkaji terhadap kajian berkaitan pegangan agama seseorang. Ia pertama kali diperkenalkan oleh Allport dan Ross (1967) dan semenjak dari itu semakin banyak kajian yang menggunakan ukuran tersebut (Cook, Kimball, Leonard, & Boyatzis, 2014; Patwardhan, Keith, & Vitell, 2012; Singhapakdi, Vitell, Lee, Nisius, & Yu, 2013).

Patwardhan *et al.* (2012) menemukan bukti di mana pengguna yang memiliki tahap keagamaan intrinsik yang tinggi lebih cenderung memberi tanggapan bahawasanya sesuatu tingkah laku yang tidak beretika merupakan perkara yang salah. Budaya dan persekitaran dilihat memberi pengaruh terhadap keagamaan mereka berdasarkan perbezaan dapatan di mana pengguna Hispanik menunjukkan tahap keagamaan ekstrinsik yang lebih tinggi daripada pengguna Anglo. Menurut Patwardhan, ia mungkin disebabkan fahaman yang berbeza dan bagaimana mereka mahu keagamaan mereka dilihat oleh orang lain (Patwardhan *et al.*, 2012).

Kajian Singhapakdi *et al.* (2013) menunjukkan bahawa impak pengaruh keagamaan intrinsik terhadap niat untuk lebih beretika jauh lebih ke hadapan berbanding aspek ekstrinsik. Pengurus yang mempunyai keagamaan ekstrinsik yang tinggi dikatakan lebih rendah kecenderungan mereka dalam mengambil kira aspek etika ketika membuat sebarang keputusan perniagaan. Ini mungkin disebabkan keagamaan ekstrinsik yang bersifat berubah mengikut keadaan. Berbeza dengan aspek intrinsik yang memerlukan

komitmen dalaman terhadap agama dan telah diterapkan dalam kehidupan harian. Seiring dengan pandangan Patwardhan bahawa keagamaan ekstrinsik secara umumnya tidak mempengaruhi pandangan seseorang mengenai etika.

Sorotan lepas juga mendapati sudah menjadi suatu kelaziman bagi pengkaji dalam mengukur religiositi atau kepatuhan beragama dengan melibatkan sekurang-kurangnya dua intipati utama iaitu kepercayaan dan amalan atau keagamaan bersifat formal (Melibatkan komuniti atau masyarakat yang memiliki pegangan yang sama seperti keahlian rumah ibadat, kehadiran ke gereja dan aktiviti keagamaan) dan tidak formal (Ritual agama yang hanya melibatkan kumpulan kecil yang dilakukan bersama keluarga atau persendirian di rumah<sup>1</sup>). Sepertimana yang dilakukan oleh Van Tienen, Scheepers, Reitsma dan Schilderman (2011), iaitu mentafsirkan kepatuhan beragama kepada: (1) “*individual religiosity*” - melibatkan perkara berkaitan kepercayaan dan kepentingan agama, urusan hidup dan mati dan kekerapan melakukan ritual agama bersifat tidak formal, dan (2) “*collective religiosity*”- merujuk kepada kehadiran ke tempat ibadat seperti gereja.

Beberapa pengkaji lain dilihat mempelbagaikan penggunaan istilah formal dan tidak formal kepada istilah-istilah lain namun masih memiliki pengertian yang sama. Seperti istilah “*private*” (Paxton, Reith, & Glanville, 2014; Stratta *et al.*, 2013), “*personal practice*” (Pearce, Hayward, & Pearlman, 2017) dan “*feasts*” (Mouza & Stamkopoulos, 2018) digunakan untuk amalan bersifat tidak formal. Selain penggunaan terma “*organisational*” (Stratta *et al.*, 2013), “*external practice*” (Pearce *et al.*, 2017), “*public*” (Paxton *et al.*, 2014) dan “*family*” (Mouza & Stamkopoulos, 2018) bagi aktiviti keagamaan dan ritual yang lebih formal.

Tidak terhad kepada kepercayaan agama dan amalan semata-mata, para penyelidik cuba menguatkan lagi definisi mereka dengan aspek-aspek lain yang dianggap penting. Sebagaimana yang ditunjukkan Pearce *et al.* (2017) dalam penyelidikannya. Beliau berusaha meluaskan lagi definisi dengan memperkenalkan dua lagi dimensi baharu iaitu “*religious exclusivity*”<sup>1</sup> dan “*religious salience*”<sup>2</sup>. *Religious salience* atau dimensi “*religious identity*” (Cook *et al.*, 2014) dianggap penting bagi mereka kerana ia mampu melihat sejauhmana agama itu diletakkan dalam membuat sebarang keputusan hidup seperti memilih pekerjaan, cara berkomunikasi dan sebagainya.

### ***Dimensi Kepatuhan Beragama daripada Perspektif Islam***

Kepercayaan dan keyakinan terhadap agama yang dianuti serta pematuhan dalam segala yang ditetapkan oleh ajaran Islam melalui amal ibadat menjadi fokus utama dalam mengukur kepatuhan beragama selain beberapa aspek lain seperti syariah, akhlak, muamalat, pengetahuan agama dan sebagainya. AlMarri, Oei, dan Al-Adawi (2009) dalam kajiannya mendefinisikan kepatuhan beragama kepada dua konstruk utama: (1) *religious belief* (kepercayaan agama) dan (2) *religious practice* (amalan agama) dan dikenali sebagai *Short Muslim Practice and Belief Scale* (S-MPB). Sama seperti yang dilakukan kajian sebelumnya iaitu Jana-Masri dan Priester (2007) yang menggunakan *Religiosity of Islam Scale* (RoIS) melibatkan dua dimensi yang serupa.

Dalam mengukur sudut keyakinan dan kepercayaan (*belief* atau *faith*) terhadap Allah, Nabi dan Rasul serta perkara-perkara ghaib. Pengkaji Islam cenderung menggunakan beberapa istilah lain yang lebih sesuai dan islamik. Antaranya, “*iman*” (Zainudin, Mahdzan, Che Hashim, & Sulaiman, 2019), “*aqidah*” (Sharma, Newaz, & Fam, 2017), “*ideological religiosity*” (Yeniaras & Akarsu, 2017). Manakala istilah seumpama “*central duties*” (El-Menouar, 2014), “*ibaadat*” (Ul-Haq, Butt, Ahmed, & Al-Said, 2019), “*amal*” (Sharma *et al.*, 2017) dan “*ritualistic religiosity*” (Yeniaras & Akarsu, 2017), kesemuanya merujuk kepada amalan yang mesti dilaksanakan oleh Muslim berdasarkan rukun Islam iaitu shahadah, solat, puasa, zakat dan haji dan lain-

<sup>1</sup> Merujuk kepada pandangan terhadap mereka yang bertukar kepercayaan agama dan tidak terhad kepada satu kepercayaan semata-mata serta persepsi terhadap seseorang yang menganuti agama tanpa berpegang kepada keseluruhan ajaran.

<sup>2</sup> Ditafsir sebagai kepentingan identiti agama bagi seseorang (iaitu setinggi manakah kepentingan agama dalam kehidupan seseorang) dan adakah seseorang itu bertindak selaras dengan nilai agama yang dianuti.

lain secara peribadi mahupun berjemaah. Sebahagiannya turut meliputi ibadah pilihan (membaca Quran, memberi sedekah) serta larangan dalam Islam (melakukan penipuan, mengambil riba) (Zainudin *et al.*, 2019).

Berbeza dengan AlMarri *et al.* (2009), Khraim (2010) menggambarkan kepatuhan beragama berdasarkan empat komponen; perkhidmatan kewangan Islam, usaha mencari pendidikan agama, isu semasa Islam dan produk sensitif. Khraim menekankan aspek perkhidmatan perbankan Islam berdasarkan larangan untuk terlibat dengan perkhidmatan yang diberikan oleh bank konvensional, dikhuatiri ia mengandungi unsur transaksi terlarang seperti riba (Khraim, 2010; Ul-Haq *et al.*, 2019). Pendidikan agama juga bukan tertakluk pada pendidikan formal di sekolah semata-mata, adapun ia juga merangkumi kesungguhan untuk menimba ilmu di surau, mendengar ceramah dan lain-lain.

Sesungguhnya mereka yang menuntut ilmu akan diangkat darjatnya sebagaimana firman-Nya di dalam surah *al-Mujadalah* ayat ke-11 yang bermaksud, “Allah meninggikan darjat orang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama dengan beberapa darjat”. Tujuan Khraim memasukkan produk sensitif dalam mengukur kepatuhan adalah kerana kehalalan merupakan satu kewajipan bagi umat Islam berdasarkan ayat ke-88 surah *al-Ma'idah*, “makanlah makanan yang halal lagi baik dari apa yang telah Allah rezezikikan kepadamu”. Beberapa kajian lain juga dilihat menekankan aspek ini (El-Menouar, 2014; Sharma *et al.*, 2017; Yenziaras & Akarsu, 2017).

El-Menouar (2014) dalam kajiannya cuba membangunkan satu model kepatuhan beragama yang merangkumi lima aspek; “*basic religiosity*”, “*central duties*”, “*religious experience*”, “*religious knowledge*” dan “*orthopraxy*”. Dimensi pengalaman agama ataupun ihsan menurut Sharma *et al.* (2017) sangat penting kerana ia menerangkan tentang kepraktisan agama seseorang yang melibatkan perasaan sebelum, sewaktu dan selepas melakukan sesuatu pekerjaan sama ada ianya benar atau salah dan menyalahi iman di sisi agama Islam (godaan syaitan, rasa takut kepada Allah, dosa dan hukuman Allah). Ia merangkumi segala perasaan yang tidak dapat dilihat dari mata kasar namun dirasai melalui hati dan dalaman seseorang.

Muamalat dan komunikasi yang baik dalam kehidupan sangat dituntut dalam Islam. Ia sesungguhnya menjadi cerminan akhlak yang terpuji. Islam sebagai agama yang syumul menganjurkan umatnya untuk berkelakuan sopan dan saling menghormati dalam melaksanakan segala pekerjaan lebih-lebih lagi jika ia melibatkan orang lain bagi menjaga hati dan perasaan masing-masing selain memperoleh kelancaran urusan tersebut. Aspek ini dipandang berat dan diambilkira sebagai salah satu dimensi yang mengiringi kepercayaan dan amalan keagamaan (Ul-Haq *et al.*, 2019; Usman, 2016; Zainudin *et al.*, 2019).

### ***Kajian-kajian mengenai Kepatuhan Beragama di Malaysia***

Penyelidikan ke atas pengaruh agama terhadap aspek tertentu dalam kehidupan di Malaysia semakin mendapat perhatian dari tahun ke tahun. Kepatuhan beragama dilihat memiliki hubungan signifikan sama ada positif atau negatif terhadap aspek seperti zakat, kesejahteraan hidup, wakaf, prestasi kerja di Malaysia (Achour *et al.*, 2015; Idris, Bidin, & Saad, 2012; Y. Othman & Mohamed Fisol, 2017; Zainudin *et al.*, 2019). Zakat jelas menjadi antara topik popular yang sering dikaji dan dibincangkan (Idris *et al.*, 2012; Y. Othman & Mohamed Fisol, 2017).

Selain impak agama terhadap sikap dan kelakuan pengguna (Alam, Mohd, & Hisham, 2011; Tabassi, Esmaeilzadeh, & Sambasivan, 2012), institusi kewangan dan etika perniagaan antara fokus yang turut diketengahkan dalam mengkaji kepatuhan beragama (Rusnah Muhamad & Wan Hussin, 2004; Wan Ahmad, Ab Rahman, Che Seman, & Ali, 2008; Zainudin *et al.*, 2019).

### ***Kekurangan Skala Sedia Ada dalam Mengukur Kepatuhan Beragama daripada Perspektif Islam***

Adapun *Religious Orientation Scale* (ROS) atau boleh diterjemahkan sebagai Skala Orientasi Agama Ekstrinsik dan Intrinsik<sup>3</sup> yang dibangunkan oleh Allport dan Ross antara yang terawal dan terkenal dalam dunia penulisan serta terbukti kebolehpercayaan dan kesesuaiannya dalam mengukur kepatuhan beragama, namun menurut Kirkpatrick dan Hood, terdapat beberapa masalah dalam skala I/E ini seperti: (1) kekurangan penjelasan konsep dalam definisi I/E dan apa yang sepatutnya diukur; (2) Penggunaan istilah intrinsik dan ekstrinsik yang agak sukar difahami; (3) kekeliruan sama ada I/E dianggap sebagai satu dimensi yang sama dan bersangkutan antara satu sama lain atau dua dimensi yang berbeza (Kirkpatrick & Hood, 1990).

Dalam mengukur kepatuhan beragama Islam, masalah utamanya bukanlah kekurangan kajian mengenainya. Namun yang menjadi fokus penting adalah kecenderungan pengkaji dalam menggunakan skala Barat yang berfokus kepada agama Kristian bagi mengukur agama Islam (Karami, Olfati, & Dubinsky, 2014; Uysal & Okumuş, 2019). Iaitu mengukur melalui dua dimensi kepatuhan iaitu intrinsik dan ekstrinsik (I/E). Seperti kajian Albehairi dan Demerdash (1988), ia dianggap kurang sesuai untuk agama Islam memandangkan 20 daripada 34 item diambil daripada skala *Religious Orientation Scale* (ROS) (Allport & Ross, 1967).

Selain masalah yang disebutkan oleh Kirkpatrick dan Hood (1990), Genia juga menjelaskan bahawa beberapa item terutamanya yang dilihat cenderung kepada sebahagian jantina sahaja kerap dimasukkan dalam kajian agama Islam. Item seperti kekerapan ke gereja bagi agama Kristian sering diterjemahkan secara langsung kepada istilah Islam iaitu kekerapan ke masjid (Genia, 1993; Khraim, 2010). Dalam mengukur berdasarkan agama Islam, pengkaji perlu berusaha untuk keluar dari kecenderungan menterjemahkan skala Barat secara terus dan langsung ke dalam istilah Islam. Lebih-lebih lagi tanpa melihat, mengkaji mahupun menyelidik terlebih dahulu sama ada ianya bertepatan dengan apa yang diajar di dalam agama Islam ataupun tidak. Seperti yang dikatakan oleh McFarland (1984),

*“scales specific to Christianity are useless in studying psychological aspects of Islam, for example... To develop a measurement of religion with universal application, we clearly must move beyond our excessive focus on American Christianity.”*

Item lain seperti *“The purpose of prayer is to secure a happy and peaceful life”* diklasifikasikan sebagai keagamaan ekstrinsik bagi agama Kristian dan agama lain. Sungguhpun begitu, jika dilihat dari perspektif ajaran Islam, tiada halangan umatnya mengharapkan kebaikan duniawi seperti kehidupan yang bahagia dan selesa selain mengharapkan keredaan dari-Nya (Usman, 2016). Islam tidak membezakan agama itu bersifat intrinsik mahupun ekstrinsik selagimana penganutnya mematuhi segala perintah Allah, meninggalkan larangan-Nya dan tidak mensyirikkan Allah dengan makhluk-makhluk lain.


Tambahan lagi, kebanyakan kajian hanya berfokus kepada amalan berdasarkan rukun Islam dan rukun Iman seperti solat lima waktu, puasa, zakat dan sebagainya. Ia bukanlah suatu kesalahan namun pematuhan terhadap Rukun Iman dan Rukun Islam semata-mata bukanlah parameter sebenar yang mencerminkan kepatuhan beragama seseorang. Adapun ia hanya sekadar penentu sama ada seseorang itu Muslim ataupun tidak (Krauss *et al.*, 2005; Usman, 2016).

### ***Mengukur Kepatuhan Beragama berdasarkan Model El-Menouar***

Menurut El-Menouar, dalam mengukur kepatuhan beragama, ia boleh dibahagikan kepada lima dimensi seperti Rajah 1 berikut: (1) *basic religiosity*; (2) *central duties*; (3) *religious experience*; (4) *religious knowledge*; dan (5) *orthopraxy*.

<sup>3</sup> Definisi intrinsik dan ekstrinsik menurut Allport & Ross (1967), “... *extrinsically motivated person uses his religion, while intrinsically motivated person lives his religion*”.

Rajah 1: Model Kepatuhan Beragama



Sumber: (El-Menouar, 2014).

Berdasarkan model tersebut, lima dimensi yang lebih menekankan konsep ajaran Islam dan panduan Quran dan hadis dibangunkan. Berikut adalah penjelasannya:

1) *Al-Taqarrub* (Kedekatan)

Dimensi ini menekankan ibadah sunat yang dilakukan secara lazim dan mencerminkan pengabdian kepada Allah. Berbeza dengan El-Menouar yang merangkumkan dua aspek; kepercayaan (*belief*) dan pengabdian (*devotion*) ke dalam dimensi "*basic religiosity*", dimensi *taqarrub* secara tidak langsung mencakupi kedua-dua aspek tersebut. Tanpa kepercayaan yang kukuh terhadap rukun Iman (kepercayaan kepada Allah, Malaikat, Kitab, Nabi dan Rasul, Hari Kiamat dan Qada dan Qadar) dan penyempurnaan rukun Islam, pengabdian seseorang kepada Allah tidak akan kukuh dan berterusan. Aspek pengabdian ini mengukur kesetiaan dan dedikasi seseorang dalam melakukan amal ibadat dalam Islam yang dilakukan secara istiqamah.

Dimensi kepercayaan dimansuhkan dalam kajian ini mengelakkan *social desirability bias* (kecenderungan seseorang menunjukkan sesuatu yang dipandang baik oleh orang lain). Ini kerana pertanyaan mengenai kepercayaan agama sering melibatkan pemikiran dan pandangan yang sukar diukur melalui sesebuah skala dan berkemungkinan tidak mencerminkan pandangan sebenar terhadap sesebuah isu. Ia berbeza dengan komponen pengabdian yang boleh diukur melalui perbuatan. Tidak bermakna agama Islam itu hanya diukur melalui amalan tanpa kepercayaan memandangkan aspek pengabdian sudah cukup mencerminkan kepercayaan seseorang. Tanpa kepercayaan yang kuat terhadap agama, mustahil bagi seseorang menunjukkan kesetiannya dengan melazimi perkara seperti melazimi doa, wuduk, *basmalah* (bacaan "*bismillahirrahmanirrahim*" yang bermaksud dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang) dan sebagainya dalam kehidupan dengan baik dan berterusan.

Lazimnya, setiap doa biasanya dimulakan dengan *basmalah* dan dianjurkan dilakukan dalam keadaan suci dan berwuduk. Doa secara umumnya dibaca sebelum menjalankan tugas-tugas penting dalam kehidupan seharian. Ia sebagai petunjuk bahawa seseorang itu meletakkan kepercayaannya kepada Allah dalam segala tindakan yang dilakukan. Berdoa adalah cara umat Islam meminta perlindungan Allah daripada segala keburukan dan juga memohon dikurniakan segala kebaikan di dunia dan akhirat. Ianya merupakan ibadah yang dilakukan secara peribadi dan spontan (El-Menouar, 2014).

Menerusi ayat ke-186 di dalam surah *al-Baqarah*, Allah menganjurkan hamba-Nya untuk memanjatkan doa kepada-Nya. Allah juga berfirman bahawasanya doa hamba-Nya yang taat tidak akan disia-siakan. Ayat ini menunjukkan betapa sayangnya Allah terhadap makhluk-Nya. Tiada satu pun yang boleh menandingi kuasa Allah Yang Maha Agung. Dalam berdoa, terdapat beberapa adab yang baik untuk diamalkan seperti membaca *basmalah* sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Sulaiman. Selain itu, umat

Islam juga digalakkan berada dalam keadaan yang suci dan bersih sepanjang masa. Allah sangat suka mereka yang sentiasa berusaha mensucikan diri seperti seseorang yang sentiasa berada dalam keadaan berwuduk walaupun di luar solat.

## 2) *Al-Ibadah* (Amalan)

Dimensi kedua ini dinamakan “*al-ibadah*”, yang merujuk kepada amalan-amalan yang diwajibkan dan disunatkan kepada setiap umat Islam. Ianya adalah kewajipan utama dan sunnah berdasarkan Rukun Islam yang terdiri daripada lima rukun; (1) mengucap dua kalimah syahadah; (2) mendirikan solat; (3) menunaikan zakat; (4) berpuasa di bulan Ramadhan; dan (5) menunaikan haji di Mekah bagi yang berkemampuan.

Sorotan lepas mendapati kajian cenderung dalam menggunakan item kekerapan ke rumah ibadat sebagai ukuran kepatuhan beragama. El-Menouar dalam kajiannya memansuhkan item tersebut disebabkan dua perkara: (1) lelaki lebih diutamakan ke masjid untuk beribadah (seperti solat Jumaat); dan (2) untuk membezakan fungsi masjid dengan fungsi gereja dalam agama Kristian. Tidak seperti agama Kristian yang aktiviti berkisarkan penglibatan ke gereja sama ada lelaki atau perempuan, agama Islam tidak memandang kewarakan seseorang berdasarkan kehadiran ke masjid semata-mata. Ia merupakan satu pandangan yang salah sekiranya kehadiran ke masjid menjadi pengukur ketaatan seseorang memandangkan Islam menganjurkan wanita untuk beribadah di rumah bagi mengelakkan daripada pandangan ajnabi dan bukan mahram.

Kecenderungan dalam menjadikan aspek kekerapan menunaikan solat, ziarah ke Mekah, berpuasa pada bulan Ramadan sebagai pengukur kepatuhan sedikit sebanyak memberi peluang bagi dimensi “*al-taqarrub*” untuk mengisi kelompongan tersebut. Ia dilihat memberi sedikit pendekatan yang berbeza terhadap aspek ibadah yang lazimnya memberi fokus utama kepada ibadah wajib seperti solat, puasa dan zakat secara umum seperti kajian El-Menouar dan mengenyepikan ibadah sunnah yang berkaitan dengannya seperti bersahur di bulan Ramadan, sedekah dan solat sunat *rawatib* (solat yang mengiringi solat wajib (fardu)). Firman Allah tentang bersahur:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّىٰ يَبَيِّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتُمُوا الصِّيَامَ إِلَىٰ  
الَّيْلِ

“Dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cabaya siang) dari benang hitam (kegelapan malam), iaitu waktu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib).”

(Surah *al-Baqarah* 2:187)

Berdasarkan konsep *al-mal al-mustafad* (zakat harta perolehan) pula, diwajibkan zakat ke atas setiap harta perolehan dari hasil usaha seperti gaji, upah kerja, elaun, hadiah dan sebagainya (PPZMAIWP, 2020). Ini bermaksud kewajipan zakat tidak terhad kepada zakat fitrah semata-mata.

## 3) *Al-Ma'rifah* (Pengetahuan Agama)

Dimensi ini melibatkan pertanyaan berkenaan ilmu pengetahuan agama seperti pengetahuan tentang Quran dan hadis dan kesungguhan mencari ilmu pengetahuan dengan menghadiri ceramah agama, membaca buku keagamaan, menonton rancangan bersifat ilmiah dan penyertaan dalam aktiviti-aktiviti keagamaan sama ada di masjid atau di luar. Firman Allah:



قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ.

“Katakanlah lagi (kepadanya): “Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?” Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang yang berakal sempurna.”

(Surah *al-Zumar* 39:9)

Di dalam ayat ini, Allah membandingkan mereka yang tahu dan tidak tahu. Tahu yang dimaksudkan ialah pengetahuan tentang Allah dan Quran serta segala yang berkaitan. Dengan berusaha mengenali Allah, manusia akan berusaha melakukan amal kebaikan dan takut untuk berbuat dosa.

#### 4) *Al-Muraqabah* (Berjaga-jaga)

*Muraqabah* daripada kata akar *raqiba* bermaksud menjaga. Istilah menurut al-Makki al-Nasiri menjelaskan bahawa seorang Mukmin itu mesti menahan diri daripada melakukan dosa dan maksiat sekalipun tidak dilihat oleh sesiapa. Dia juga sentiasa mentaati Allah SWT sekalipun tidak dilihat oleh sesiapa (Jasmi, 2017). Konsep *muraqabah* ini menyamai konsep “ihsan” (Sharma *et al.*, 2017) dan “*religious experience*” yang dimaksudkan oleh El-Menouar namun ianya lebih meluas. “*Al-muraqabah*” digambarkan sebagai konsep di mana seseorang itu meyakini bahawa Allah sedang memerhati segala perlakuan baik mahupun buruknya.

Dengan melahirkan kehadiran Allah dalam setiap perbuatannya, seseorang akan meningkatkan rasa cintanya kepada Sang Pencipta diikuti rasa takut untuk melakukan dosa dan maksiat. Seolah-olah dia sedang berkomunikasi dan berhubung secara terus dengan Allah dalam setiap perbuatannya. Nikmat yang begitu besar yang sepatutnya kita berlumba-lumba untuk mendapatkannya. Untuk memperoleh kesedaran ini, seseorang Muslim perlu membersihkan hati daripada segala kekotoran dan melakukan *tazkiyat al-nafs* yakni penyucian jiwa (Geaves, 2001).

Melalui kemampuan rohani dalam diri, manusia boleh merasakan tanda-tanda kebesaran Allah yang tidak jelas dari pandangan zahir dan mengetahui secara langsung kehadiran Allah, rahmat dan kasih sayang-Nya, yang telah dikurniakan kepada hamba-hamba-Nya (Yaran, 2004). Seandainya seseorang yang sedang atau ingin melakukan dosa, secara tiba-tiba didatangkan rasa benci terhadap maksiat tersebut. Tidakkah itu tandanya Allah sayang dan cinta akan hamba-Nya. Maka sewajarnya bagi setiap yang bergelar umat Islam melahirkan kesyukuran terhadap segala nikmat yang diberi yang datang dalam pelbagai bentuk begitu juga musibah.

Dikurniakan nikmat yang baik dan ditimpa musibah seperti sakit adalah interaksi Allah terhadap makhluk ciptaan-Nya untuk mengukur sejauh mana tahap keimanan mereka dan penerimaan mereka terhadap ujian-ujian tersebut. Sama ada seseorang itu tenggelam dalam kenikmatan dan mempersoalkan musibah yang diterima atau ia mencambahkan rasa syukur dan reda terhadap nikmat dan musibah yang dihadapi.

#### 5) *Al-Halal* (Dibenarkan)

Di dalam Islam, penekanan yang diberikan adalah bersifat ortopraksi berbanding ortodoksi walaupun kedua-duanya sangat penting bagi setiap umat Islam. Sebagaimana seseorang itu mempercayai bahawa Allah itu wujud dan berkuasa membalas segala kebaikan dan keburukan hamba-Nya, dia wajib menunjukkannya melalui perbuatan yang telah diperintahkan Allah seperti solat, mengeluarkan zakat, puasa dan sebagainya. Dimensi ini merupakan natijah daripada dimensi-dimensi sebelumnya. Kepatuhan beragama diukur berdasarkan komitmen yang ditunjukkan melalui amalan dalam gaya hidup seseorang hasil daripada kepercayaan, pengabdian, amalan, pengalaman dan pengetahuannya mengenai ajaran Islam.

Ajaran Islam difahami dan dihayati oleh seseorang Muslim kemudian diaplikasikan ke dalam cara hidupnya.

Berlainan dengan El-Menouar yang menggunakan istilah “*orthopraxy*” sebagai dimensi terakhir, dimensi *al-halal* ini diperkenalkan sebagai ganti. Ia merangkumi gaya hidup seseorang sehari-hari dengan melakukan segala aktiviti yang dibenarkan dan dibolehkan dalam Islam dan konsepnya lebih mudah difahami dan lebih jelas berbanding istilah ortopraksi. Sungguhpun ia mudah difahami namun istilah halal sering disalaherti oleh sebahagian masyarakat. Ia sebenarnya mencakupi aspek hubungan sesama makhluk, perkhidmatan dan pengurusan, dan tidak terhad kepada makanan semata-mata. Sebagai contoh, isu larangan perbuatan menyentuh tangan antara lelaki dan wanita yang bukan mahram. Di dalam Quran menerusi ayat ke-30 dalam surah *al-Nur*, Allah telah memerintahkan hamba-Nya agar menjaga pandangan mereka daripada orang yang bukan mahram.

Di dalam ayat ini, Allah memerintahkan para lelaki untuk menundukkan pandangan dari wanita sekiranya tiada keperluan manakala ayat seterusnya pula ditujukan kepada kaum wanita dengan perintah yang sama serta kewajipan menutup aurat dari pandangan bukan mahram sebagai langkah berjaga-jaga daripada perbuatan zina. Berdasarkan ayat ini, ia jelas bahawa melalui mata sahaja ia mampu membawa ke arah zina, apatah lagi jika seseorang itu menyentuh seseorang yang tidak halal baginya. Isu ini antara yang menjadi permasalahan masyarakat di masa kini yang terlalu kebaratan dalam menjalankan kehidupan sehari-hari. Selain itu ialah, isu makanan dan barangan halal yang digunakan oleh para Muslim. Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُحَرِّمُوا طَيِّبَاتِ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ. وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ.

*“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik yang telah dibalalkan oleh Allah bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalnya itu); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas. Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman.”*

(Surah *al-Ma'idah* 5:87-88)

Berdasarkan perintah Allah di atas, Allah melarang hamba-Nya untuk menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Dalam isu berkaitan halal, ia tidak terhenti sekadar makanan dan minuman sahaja. Segala yang digunakan atau diamalkan dalam kehidupan harian seorang Muslim wajib bersumberkan bahan yang halal yang diperakukan oleh syariat agama. Ia termasuklah pakaian, produk penjagaan kulit dan wajah serta barangan kosmetik. Dalam memilih yang halal, umat Islam boleh menggunakan panduan dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu sebuah badan pensijilan halal kerajaan agar makanan dan barangan yang digunakan jauh daripada sumber haram yang dilarang oleh Islam.

## RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian semasa mendapati bahawa kepatuhan agama sebagai salah satu pembolehubah yang mempunyai hubungkait dengan kejayaan sesebuah sistem pengurusan dalam organisasi. Oleh yang demikian, ramai para sarjana Islam telah membangunkan model-model yang boleh diaplikasi oleh individu Muslim dalam membuat keputusan pengurusan yang bukan sahaja patuh Syariah bahkan juga mampu membawa kejayaan kepada organisasi mencapai matlamat perniagaan. Dalam mengukur kepatuhan beragama,


sesebuah skala itu semestinya bersesuaian dengan budaya dan ajaran Islam. Adapun realitinya tidak seperti yang diharapkan (Albehairi & Demerdash, 1988; Karami et al., 2014; Uysal & Okumuş, 2019).

Kecenderungan kajian sedia ada dalam menggunakan skala yang berfokus kepada agama Kristian yang bercanggah dari segi fahaman, budaya dan ajaran Islam serta lambakan instrumen yang hanya menitikberatkan amalan wajib dalam agama Islam antara tujuan penting kajian ini dilaksanakan. Usaha El-Menouar dalam membangunkan instrumen yang mencerminkan ajaran dan budaya Islam bagi mengukur kepatuhan beragama dilihat cukup baik kerana beliau memansuhkan item yang bersifat *gender-specific* – amalan yang cenderung kepada satu jantina sahaja seperti beribadat di masjid dan melakukan solat Jumaat. Namun, sepertimana kajian-kajian lampau, beliau hanya mengetengahkan pematuhan amalan wajib berdasarkan rukun Islam dan rukun Iman yang mana menurut Usman (2016), ia bukanlah parameter sebenar yang mencerminkan kepatuhan beragama seseorang bahkan cuma penentu sama ada seseorang itu Muslim ataupun tidak.

Selain mengetengahkan amalan yang bersifat pilihan dan sunat sebagai pengukur kepatuhan beragama, kajian ini juga memperkenalkan dimensi baru iaitu dimensi *al-halal* yang dilihat lebih sesuai dan mudah difahami berbanding kajian El-Menouar yang mengguna pakai istilah ortopraksi yang terlalu umum sebagai dimensi terakhir kajian beliau. Berbeza dengan apa yang sering difahami oleh kebanyakan masyarakat, konsep halal tidak terhad kepada makanan dan minuman semata-mata. Adapun ia juga meliputi segala aspek dalam kehidupan seperti hubungan sesama manusia, muamalat, perkhidmatan dan lain-lain.

Demikian, kajian ini memberi input baru dengan mendefinisikan semula dimensi yang diperkenalkan oleh El-Menouar kepada istilah yang lebih Islamik, komprehensif dan selaras dengan kandungan Quran yang menjadi pegangan umat Islam seluruh dunia. Kajian lanjut perlu dijalankan bagi mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan instrumen ini. Berdasarkan penjelasan-penjelasan di atas, berikut merupakan model kepatuhan beragama yang lebih komprehensif dan mencerminkan ajaran Islam:

Rajah 2: Model Kepatuhan Beragama



## BIBLIOGRAFI

- Abdel-Khalek, A. M. (2010). Quality of Life, Subjective Well-being, and Religiosity in Muslim College Students. *Quality of Life Research*, 19(8), pp. 1133–1143. <https://doi.org/10.1007/s11136-010-9676-7>.
- Achour, M., Grine, F., Nor, M. R. M., & Yusoff, M. Y. Z. M. (2015). Measuring Religiosity and Its Effects on Personal Well-Being: A Case Study of Muslim Female Academicians in Malaysia. *Journal of Religion and Health*. <https://doi.org/10.1007/s10943-014-9852-0>.
- Alam, S. S., Mohd, R., & Hisham, B. (2011). Is Religiosity an Important Determinant on Muslim Consumer Behaviour in Malaysia? *Journal of Islamic Marketing*, 2(1), pp. 83–96. <https://doi.org/10.1108/17590831111115268>

- Albehairi, A., & Demerdash, A. (1988). *Religious Orientation Scale. 2nd Edition. Cairo, Egypt.*
- Allport, G. W., & Ross, J. M. (1967). Personal Religious Orientation and Prejudice. *Journal of Personality and Social Psychology*, 5(4), pp. 432–443. <https://doi.org/10.1037/h0021212>.
- AlMarri, T. S. K., Oei, T. P. S., & Al-Adawi, S. (2009). The development of the Short Muslim Practice and Belief Scale. *Mental Health, Religion and Culture*, 12(5), pp. 415–426. <https://doi.org/10.1080/13674670802637643>.
- Amaliah, I., Aspiranti, T., & Purnamasari, P. (2015). The Impact of the Values of Islamic Religiosity to Islamic Job Satisfaction in Tasikmalaya West Java, Indonesia, Industrial Centre. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 211, pp. 984–991. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.11.131>.
- Arli, D. (2017). Does Ethics Need Religion? Evaluating the Importance of Religiosity in Consumer Ethics. *Marketing Intelligence and Planning*, 35(2), pp. 205–221. <https://doi.org/10.1108/MIP-06-2016-0096>.
- Barhem, B., Younies, H., & Muhamad, R. (2009). Religiosity and Work Stress Coping Behavior of Muslim Employees. *Education, Business and Society: Contemporary Middle Eastern Issues*, 2(2), pp. 123–137. <https://doi.org/10.1108/17537980910960690>.
- Cook, K. V., Kimball, C. N., Leonard, K. C., & Boyatzis, C. J. (2014). The Complexity of Quest in Emerging Adults' Religiosity, Well-Being, and Identity. *Journal for the Scientific Study of Religion*, 53(1), pp. 73–89. <https://doi.org/10.1111/jssr.12086>.
- Delener, N. (1994). Religious Contrasts in Consumer Decision Behaviour Patterns: Their Dimensions and Marketing Implications. *European Journal of Marketing*. <https://doi.org/10.1108/03090569410062023>
- Durkheim, E. (1954). *The Elementary Forms of Religious Life. The Free Press, London.*
- Durlauf, S. N., Kourtellos, A., & Tan, C. M. (2012). Is God in the Details? A Reexamination of the Role of Religion in Economic Growth. *Journal of Applied Econometrics*, 27(7), pp. 1059–1075. <https://doi.org/10.1002/jae.1245>
- El-Menouar, Y. (2014). The Five Dimensions of Muslim Religiosity. Results of an Empirical Study. *Method, Data, Analyses*, 8(1), pp. 53–78. <https://doi.org/10.12758/mda.2014.003>
- Geaves, R. (2001). *Religious Experience in Islam. Religious Experience Research Centre (RERC) Second Series Occasional Papers.*
- Genia, V. (1993). A Psychometric Evaluation of the Allport-Ross I/E Scales in a Religiously Heterogeneous Sample. *Journal of the Scientific Study of Religion*, 32(3), pp. 284–290. <https://doi.org/10.2307/1386667>
- Idris, K. M., Bidin, Z., & Saad, R. A. J. (2012). Islamic Religiosity Measurement and Its Relationship with Business Income Zakat Compliance Behavior. *Jurnal Pengurusan*, 34, pp. 3–10. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2012-34-01>
- Jana-Masri, A., & Priester, P. E. (2007). The Development and Validation of a Qur'an-Based Instrument to Assess Islamic Religiosity: The Religiosity of Islam Scale. *Journal of Muslim Mental Health*, 2(2), pp. 177–188. <https://doi.org/10.1080/15564900701624436>
- Jasmi, K. A. (2017). Muraqabah. In *Ensiklopedia Pendidikan Islam (Jasmi, Kamarul Azmi [ed.])*. (Edisi Kedu, pp. 134–136). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam dan Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [AIES] (Malaysia).
- Johnson, B. R., Jang, S. J., Larson, D. B., & Li, S. D. (2001). Does Adolescent Religious Commitment

- Matter? A Re-examination of the Effects of Religiosity on Delinquency. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 38(1), pp. 22–43. <https://doi.org/10.1177/0022427801038001002>
- Karami, M., Olfati, O., & Dubinsky, A. J. (2014). Influence of Religiosity on Retail Salespeople's Ethical Perceptions: The Case in Iran. *Journal of Islamic Marketing*, 5(1), pp. 144–172. <https://doi.org/10.1108/JIMA-12-2012-0068>
- Kashif, M., Zarkada, A., & Thurasamy, R. (2017). The Moderating Effect of Religiosity on Ethical Behavioural Intentions: An Application of the Extended Theory of Planned Behaviour to Pakistani Bank Employees. *Personnel Review*, 46(2), pp. 429–448. <https://doi.org/10.1108/PR-10-2015-0256>
- Khraim, H. S. (2010). Measuring Religiosity in Consumer Research From an Islamic Perspective. *International Journal of Marketing Studies*, 2(2), pp. 166–179. <https://doi.org/10.1108/10264116201000003>
- Kirkpatrick, L. A., & Hood, R. W. (1990). Intrinsic-Extrinsic Religious Orientation: The Boon or Bane of Contemporary Psychology of Religion? *Journal for the Scientific Study of Religion*, 29(4), p. 442. <https://doi.org/10.2307/1387311>
- Krauss, S. E., Hamzah, A., Suandi, T., Mohd Noah, S., Mastor, K. A., Juhari, R., ... Manap, J. (2005). The Muslim Religiosity-Personality Measurement Inventory (MRPI)'s Religiosity Measurement Model: Towards Filling the Gaps in Religiosity Research on Muslims. *Pertanika Journal Social Science and Humanities*, 13(2), pp. 131–145.
- Lau, T. C. (2010). Towards Socially Responsible Consumption: An Evaluation of Religiosity and Money Ethics. *International Journal of Trade, Economics and Finance*, 1(1), pp. 32–35. <https://doi.org/10.7763/IJTEF.2010.V1.6>
- Laurin, K., & Plaks, J. E. (2014). Religion and Punishment: Opposing Influences of Orthopraxy and Orthodoxy on Reactions to Unintentional Acts. *Social Psychological and Personality Science*, 5(7), pp. 835–843. <https://doi.org/10.1177/1948550614534698>
- Mouza, A. M., & Stamkopoulos, G. T. (2018). The Dimensions of Religious Commitment in Orthodox Christianity. *International Journal of Humanities, Religion and Social Science*, 2(9), pp. 71–79.
- Muhamad, R. (2009). Religiosity, Ethical Judgments and Malaysian Muslim Students. *Journal of Business Systems, Governance and Ethics*, 4(1), pp. 53–67. <https://doi.org/10.15209/jbsge.v4i1.154>
- Muhamad, Rusnah, & Wan Hussin, W. S. (2004). The Influence of Religiosity and Perceptions of Unethical Business Practices: An Empirical Investigation of the Malaysian Muslims. In *The Second Conference On Administrative Science*, pp. 1–12.
- Osman-Gani, A. M., Hashim, J., & Ismail, Y. (2013). Establishing Linkages between Religiosity and Spirituality on Employee Performance. *Employee Relations*, 35(4), 360–376. <https://doi.org/10.1108/ER-04-2012-0030>
- Othman, R., & Hariri, H. (2012). Conceptualizing Religiosity Influence on Whistle-Blowing Intentions. *British Journal of Economics Finance and Management Sciences*, 62(61), pp. 62–92.
- Othman, Y., & Mohamed Fisol, W. N. (2017). Islamic Religiosity, Attitude and Moral Obligation on Intention of Income Zakat Compliance: Evidence from Public Educators in Kedah. *Journal of Academic Research in Business ...*, 7(2), 726–737. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i2/2680>
- Patwardhan, A. M., Keith, M. E., & Vitell, S. J. (2012). Religiosity, Attitude Toward Business, and Ethical Beliefs: Hispanic Consumers in the United States. *Journal of Business Ethics*, 110(1), 61–70. <https://doi.org/10.1007/s10551-011-1147-8>
- Paxton, P., Reith, N. E., & Glanville, J. L. (2014). Volunteering and the Dimensions of Religiosity: A

- Cross-National Analysis. *Review of Religious Research*, 56(4), 597–625. <https://doi.org/10.1007/s13644-014-0169-y>
- Pearce, L. D., Hayward, G. M., & Pearlman, J. A. (2017). Measuring Five Dimensions of Religiosity Across Adolescence. *Review of Religious Research*, 59(3), 367–393. <https://doi.org/10.1007/s13644-017-0291-8>
- PPZMAIWP. (2020). Jenis-jenis Zakat: Zakat Pendapatan. Retrieved from <https://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-pendapatan/>
- Rulindo, R., & Mardhatillah, A. (2011). Spirituality , Religiosity and Economic Performances of Muslim Micro- Entrepreneurs. In *8th International Conference on Islamic Economics and Finance. Center for Islamic Economics and Finance, Qatar Faculty of Islamic Studies, Qatar Foundation* (pp. 1–13). <https://doi.org/10.1016/j.ijcard.2017.03.069>
- Saat, M., Porter, S., & Woodbine, G. (2016). Does Religiosity Influence Ethical Sensitivity? An Investigation on Malaysian Future Accountants. *Malaysian Accounting Review*, 8(2).
- Sharma, R. R., Newaz, F. T., & Fam, K. S. (2017). Muslim religiosity, Generational Cohorts and Buying Behaviour of Islamic Financial Products. *Australian Journal of Management*, 42(3), 482–501. <https://doi.org/10.1177/0312896216659530>
- Singhapakdi, A., Vitell, S. J., Lee, D. J., Nisius, A. M., & Yu, G. B. (2013). The Influence of Love of Money and Religiosity on Ethical Decision-Making in Marketing. *Journal of Business Ethics*, 114(1), 183–191. <https://doi.org/10.1007/s10551-012-1334-2>
- Stratta, P., Capanna, C., Riccardi, I., Perugi, G., Toni, C., Dell’Osso, L., & Rossi, A. (2013). Spirituality and Religiosity in the Aftermath of a Natural Catastrophe in Italy. *Journal of Religion and Health*, 52(3), 1029–1037. <https://doi.org/10.1007/s10943-012-9591-z>
- Tabassi, S., Esmailzadeh, P., & Sambasivan, M. (2012). The Role of Animosity, Religiosity and Ethnocentrism on Consumer Purchase Intention: A Study in Malaysia toward European Brands. *African Journal of Business Management*, 6(23), 6890–6902. <https://doi.org/10.5897/ajbm11.2867>
- Tu, Q., Bulte, E., & Tan, S. (2011). Religiosity and Economic Performance: Micro-Econometric Evidence from Tibetan Area. *China Economic Review*, 22(1), 55–63. <https://doi.org/10.1016/j.chieco.2010.09.008>
- Ul-Haq, S., Butt, I., Ahmed, Z., & Al-Said, F. T. (2019). Scale of Religiosity for Muslims: An Exploratory Study. *Journal of Islamic Marketing*. <https://doi.org/10.1108/JIMA-03-2016-0018>
- Usman, H. (2016). Islamic Religiosity Scale, and Its Applied on the Relationship between Religiosity and Selection of Islamic Bank. *Journal of Distribution Science*, 14(2), 23–32. <https://doi.org/10.15722/JDS.14.2.201602.23>
- Uysal, A., & Okumuş, A. (2019). Impact of Religiosity on Ethical Judgement: A Study on Preference of Retail Stores among Consumers. *Journal of Islamic Marketing*, 10(4), 1332–1350. <https://doi.org/10.1108/JIMA-07-2018-0131>
- Wan Ahmad, W. M., Ab Rahman, A., Che Seman, A., & Ali, N. A. (2008). Religiosity and banking selection criteria among Malays in Lembah Klang. *Jurnal Syariah*, 16(2), 99–130.
- Weaver, G. R., & Agle, B. R. (2002). Religiosity and Ethical Behavior in Organizations: A Symbolic Interactionist Perspective. *The Academy of Management Review*, 27(1), 77–97. <https://doi.org/10.5465/AMR.2002.5922390>
- Wening, N., & Choerudin, A. (2015). The Influence of Religiosity towards Organizational Commitment, Job Satisfaction and Personal Performance. *Polish Journal of Management Studies*, 11(2), 181–191.

- Yeniaras, V., & Akarsu, T. N. (2017). Religiosity and Life Satisfaction: A Multi-dimensional Approach. *Journal of Happiness Studies*, 18(6), 1815–1840. <https://doi.org/10.1007/s10902-016-9803-4>
- Zainudin, R., Mahdzan, N. S., Che Hashim, R., & Sulaiman, N. A. (2019). Islamic Religiosity and Islamic Financial Asset Holdings (IFAH). *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 10(4), 591–606. <https://doi.org/10.1108/JIABR-04-2016-0052>